

# PEMUDA MCA SOKONG SARANAN PERDANA MENTERI TENTANG SIMBOL

KUALA LUMPUR, Rabu.— Pemuda MCA hari ini menyokong penuh kenyataan Presiden Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa adalah sukar bagi komponen BN bertanding atas simbol sendiri di pilihanraya akan datang.

Setiausaha Agung Pemuda MCA Kebangsaan, Encik Chew Hock Thye memberitahu Berita Harian, struktur serta suasana politik di Semenanjung Malaysia berbeza dari di Sabah di mana Berjaya sebagai parti pemerintah dan USNO sebagai pembangkang di peringkat negeri.

"Keputusan bertanding atas simbol sendiri adalah bertentangan dengan falsafah serta konsep Barisan Nasional keseluruhannya, kerana pada realitinya, komponen BN adalah pendukung kepada Kerajaan Campuran di negara ini.

"Oleh itu, keputusan bertanding atas lambang sendiri juga boleh disifatkan sebagai mencabar BN ataupun tanda kehilangan keyakinan komponen terhadap BN,"katanya.

## Dikurangkan

Bagaimanapun, Encik Chew menegaskan, pihaknya akan tetap mencadangkan kepada pucuk pimpinan partinya supaya calon MCA bertanding atas simbol sendiri sekiranya jumlah kerusi Parlimennya dikurangkan, dan sebaliknya kerusi Gerakan bertambah.

Pendirian berkenaan, tambahnya, tidak akan berubah sekiranya MCA mendapat kerusi yang kurang dari pilihanraya 1978.

Tetapi, Encik Chew berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir pasti akan bersikap adil serta memelihara "status quo" dalam hal pembahagian kerusi di pilihanraya akan datang.

Baru-baru ini, Gerakan menegaskan bahawa MCA mencabar pihaknya untuk bertanding dengan simbol masing-masing di seluruh negara sekiranya MCA tidak mendapat jumlah kerusi Parlimen yang adil.

Tetapi, beberapa kalangan dalam BN berpendapat, MCA hanya gembargembor mengenai masalah kerusi dan bertanding atas simbol parti sendiri semata-mata untuk mendapat perhatian penyokong dan keseluruhannya kaum Cina di Malaysia.

Perkara ini disifatkan sebagai satu strategi politik, khususnya bila kaum Cina Malaysia kini mempunyai dua parti lain, Gerakan dan DAP sebagai alternatif.

Selanjutnya, ada golongan yang menegaskan, MCA tetap bertanding atas simbol BN, tetapi akan membiayai beberapa calon bebas menentang sebarang calon Gerakan di semua peringkat negeri dan Parlimen, seperti yang dilakukan dalam pilihanraya 1978.